

Acara tarik tali USIM gamat

MERIAH. Kejohanan Tarik Tali Terbuka 2009 anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) meriah dengan disertai 18 buah pasukan yang bertanding meliputi kategori Terbuka Awam dan Terbuka Beruniform.

Kejohanan yang bertujuan memberi pendedahan mengenai USIM kepada pihak luar itu diadakan di Kompleks Sukan USIM, Nilai, Negeri Sembilan.

Johan bagi kategori beruniform telah

dimenangi oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) manakala kategori awam pula disandang oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang menerima wang tunai RM2,000, pingat dan sijil penghargaan.

Antara pasukan yang menyertai kejohanan itu ialah Jabatan Penjara, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dan Westport.



NAIB Canselor USIM, Prof. Dr. Abdul Shukor Husin (depan tiga dari kiri) bersama pemenang acara tarik tali di Kompleks Sukan USIM, Nilai baru-baru ini.